



## PENGURUSAN CEMERLANG MENERUSI SOLAT KHUSYUK BERPANDUKAN MODEL AL-GHAZALI

Mohd Saiba bin Yaacob & Syed Hadzrullathfi Syed Omar

Fakulti Kontemporari Islam UniSZA

---

### ABSTRAK

Solat adalah tiang agama manakala khusyuk adalah roh bagi solat. Orang yang bersolat tanpa khusyuk tidak mampu mencapai pelbagai keistimewaan daripada solat yang dikerjakannya. Pelaksanaan solat khusyuk menerusi model tertentu dan dengan komitmen yang berterusan diharapkan mampu membawa kesan positif kepada seseorang termasuk dalam aspek pengurusan cemerlang. Kajian keperustakaan ini berusaha untuk menggalurkan secara ringkas berkaitan model solat khusyuk menurut perspektif Imam al-Ghazali (450-505 H) dan beberapa aspek pengurusan cemerlang yang boleh dicapai menerusi pelaksanaan solat khusyuk berpandukan model al-Ghazali. Artikel ini menyimpulkan bahawa solat khusyuk sangat penting untuk dititikberatkan kerana ia dapat mempengaruhi pengurusan hidup seseorang mukmin menjadi lebih bermatlamat, berperancangan dan berkualiti.

**Kata kunci:** Pengurusan, Solat Khusyuk, Model Al-Ghazali

---

### PENDAHULUAN

Tajuk “Pengurusan Cemerlang Menerusi Solat Khusyuk Berpandukan Model Al-Ghazali” penting untuk dibicarakan kerana beberapa faktor. Pertama, khusyuk merupakan perkara yang mula-mula diangkat daripada umat Islam (al-Suyuti: 2005). Kedua, kualiti solat adalah bergantung pada peratus khusyuk. Ketiga, solat khusyuk mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan. Pelaksanaan solat khusyuk contohnya dapat mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan munkar (al-„Ankabut (29): 45), dan juga dapat mempengaruhi kehidupan dan pengurusan hidup seseorang mukmin menjadi lebih positif, berperancangan dan berkualiti.

### KONSEP PENGURUSAN

Pengurusan ialah **proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal** daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain

organisasi bagi mencapai matlamat-matlamat organisasi yang ditetapkan (James A.F. Stoner; Charles Wankel, 1991).

Takrif ini menjelaskan bahawa pengurus perlu bertindak memenuhi matlamat organisasi dengan cara menguruskan orang-orang lain supaya melakukan tugas yang difikirkan perlu. **Proses** adalah suatu cara teratur melakukan kerja. Setiap pengurus perlu terlibat dalam aktiviti-aktiviti tertentu yang saling berkaitan dengan tujuan untuk mencapai matlamat-matlamat yang diinginkan.

**Merancang** bererti setiap pengurus memikirkan terlebih dahulu tentang matlamat dan tindakan yang perlu digerakkan berdasarkan sesuatu kaedah, rancangan atau logik. **Mengorganisasi** bermaksud bahawa setiap pengurus menyelaraskan sumber-sumber tenaga dan bahan organisasi bagi mencapai matlamat. Sesebuah organisasi akan menjadi lebih efektif apabila kerja-kerjanya lebih bersepadu dan selaras, dan pengurus perlu mewujudkan keselarasan yang diperlukan.

**Memimpin** bererti setiap pengurus mengarah dan mempengaruhi setiap tenaga organisasi supaya melakukan tugas-tugas yang perlu. Dengan mewujudkan suatu suasana kerja yang sesuai, pengurus membantu tenaga organisasi supaya memberikan khidmat yang sebaik-baiknya. **Mengawal** bererti pengurus berusaha memastikan organisasi bergerak ke arah matlamat yang dikehendaki. Sekiranya sebahagian dari organisasi bergerak mengikut arah yang salah, pengurus perlu mencari sebab dan membetulkan arah laluan (Ibid.).

### **KONSEP PENGURUSAN DALAM PELAKSANAAN SOLAT KHUSYUK**

Elemen-elemen yang terkandung dalam proses pengurusan yang dinyatakan di atas mempunyai beberapa persamaan dengan proses pengurusan dalam pelaksanaan solat khushyuk. Setiap diri manusia boleh diibaratkan sebagai “sebuah organisasi” yang diketuai oleh hati (jiwa) sebagai “pengurus” manakala “anggota-anggota organisasi” pula terdiri daripada akal, emosi, semua anggota fizikal, semua panca indera dan elemen-elemen luaran yang perlu diuruskan dengan sebaiknya dalam proses mencapai objektif pensyariatan solat.

Objektif utama pensyariatian solat ialah supaya setiap orang beriman berzikir memuji, menyanjung dan mengagung-agungkan Allah „AWJ dan juga supaya berdoa dan bermunajat sambil memantapkan „*ubudiyah* dan *taqarrub* (pendekatan diri) kepada Allah bagi mencari kecintaan dan keredaanNya yang abadi (al-Baqarah: 238; Taha: 14 dan al-An„am: 162-163). Kedudukan solat sebagai tiang bagi agama (al-Suyuti: 2005) adalah sangat relevan dengan peranan setiap orang beriman sebagai khalifah Allah (al-Baqarah: 30) yang bertanggungjawab dalam menegakkan agama dan mentadbir bumi ini berpandukan petunjuk agama (al-Mawardi: t.t).

Sehubungan dengan itu, hati yang berfungsi sebagai “pengurus” perlu berperanan dalam merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha “anggota-anggota organisasi” dan menggunakan elemen-elemen luaran yang bersesuaian bagi mencapai penghayatan khusyuk dalam solat melalui “proses” (pendekatan atau model) yang tertentu.

### **KONSEP DAN CARA MENGERJAKAN SOLAT**

Menurut penggunaan bahasa, al-Qurtubi (2001) menjelaskan bahawa perkataan solat digunakan dengan beberapa pengertian seperti berdoa (Surah al-Tawbah (9): 103), *surah al-Fatihah* (hadis riwayat Imam Muslim), bacaan al-Quran (al-Isra“ (17): 110), *istighfar* (memohon keampunan), *tasbih* (mensucikan Allah „AWJ, memuji, menyanjung dan mengagungkanNya), memohon rahmat daripada Allah, berselawat ke atas nabi Muhammad SAW (al-Ahzab (33): 56), tempat yang dikerjakan solat padanya (al-Hajj (22): 40) dan beribadat kepada Allah (Surah al-Nur (24): 41; al-Anfal (8): 35).

Semua elemen solat menurut pengertian bahasa di atas terkandung dalam ibadat solat menurut pengertian istilah yang telah ditakrifkan sebagai “*bacaan-bacaan dan perbuatan-perbuatan tertentu, yang dimulakan dengan takbir, yang disudahi dengan salam dengan syarat-syarat yang tertentu*” (Sabiq: 2010).

Sehubungan dengan itu, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: “*Bersolatlah kamu sebagaimana kamu melihat (mengetahui cara) saya mengerjakan solat*”. Berkenaan cara Rasulullah SAW mengerjakan solat, Shah Waliyy Allah al-Dihlawi (Hujjah Allah al-Balighah: 1997) merumuskannya sebagaimana berikut:

*“Secara ringkasnya, cara mengerjakan solat menurut riwayat yang mutawatir daripada Rasulullah SAW dan menurut apa yang diwarisi oleh keseluruhan umat Islam ialah:*

- 1. Baginda bersuci, menutup aurat, berdiri menghadap ke arah kiblat dengan wajahnya dan menumpukan ingatan hati kepada Allah „AWJ serta mengikhlaskan amalan (solatnya) kerana Allah.*
- 2. Baginda bertakbir mengatakan: Allahu Akbar dengan lisannya.*
- 3. Baginda membaca surah al-Fatihah dan digabungkan bersamanya – kecuali dalam rekaat ketiga dan keempat solat fardu – salah satu surah dari al-Quran.*
- 4. Kemudian baginda ruku,, dengan cara menundukkan badan sekira- kira mampu menyentuh kedua belah lutut dengan hujung jari-jari tangan sehingga baginda dapat ruku,, dengan tuma“ninah.*
- 5. Kemudian baginda mengangkat kepalanya sehingga mencapai tuma“ninah ketika iktidal.*
- 6. Kemudian baginda bersujud di atas tujuh anggota iaitu dua telapak tangan, (perut jari-jari) dua belah kaki, dua lutut dan muka (dahi dan hidung).*
- 7. Kemudian baginda mengangkat kepala sehingga baginda duduk secara tegak dan mantap.*
- 8. Kemudian baginda mengerjakan sujud kedua sebagaimana sujud pertama.*
- 9. Kemudian baginda duduk di akhir setiap dua rekaat dan baginda membaca tasyahhud.*
- 10. Sekiranya itu adalah kesudahan solatnya, Baginda akan berselawat ke atas Nabi SAW. Dan Baginda berdoa dengan sebaik-baik doa bagi memohon apa-apa yang dihajati. Dan baginda mengucapkan salam kepada orang-orang yang berada di sisi baginda dari kalangan malaikat dan manusia”.*

Demikianlah cara dan kronologi solat Rasulullah SAW dan baginda tidak pernah meninggalkan satu pun daripada cara tersebut tanpa uzur syar,,iy. Inilah juga cara solat yang dikerjakan oleh para Sahabat dan Tabi,,in serta generasi sesudah mereka dari kalangan para ulama muktabar yang diwarisi secara turun temurun. Amalan

itulah yang dinamakan “solat” dan ia adalah sebahagian daripada urusan agama yang bersifat *daruriyyat* (Ibid.).

### **KEUTAMAAN KHUSYUK DALAM SOLAT**

Khusyuk dalam solat mempunyai keutamaan yang sangat istimewa. Pertama, al-Quran menyenaraikannya sebagai ciri pertama orang beriman yang dijanjikan dengan syurga *Firdaws*. Kedua, terdapat hadis yang menjelaskan bahawa orang yang mengerjakan solat dua rekaat dengan khusyuk akan diampunkan semua dosanya, diberi jaminan syurga dan doanya pula dimustajabkan. Ketiga terdapat *athar* yang menjelaskan bahawa dua rekaat solat yang khusyuk adalah lebih baik daripada mengerjakan solat sepanjang malam dengan hati yang lalai. Keempat, Allah hanya memberi respond kepada bacaan setiap ayat dalam surah *al-Fatihah* yang dibacakan dengan jiwa yang khusyuk. Kelima, solat yang boleh mencegah seseorang daripada perkara keji dan munkar hanyalah solat yang dikerjakan dengan khusyuk (al-Ghazali: 1994).

### **HUKUM KHUSYUK DALAM SOLAT**

Berpandukan kepada beberapa dalil *naqli*, kaedah *Usul al-Fiqh* dan dalil „*aqli*, al-Ghazali menegaskan bahawa khusyuk dalam solat adalah wajib. Sekalipun majoriti ulama berpendapat bahawa khusyuk dalam solat adalah sunat, namun pendapat al-Ghazali telah disokong oleh sebilangan ulama seperti al-Qurtubi, Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Jawzi. (Ibn Rajab: 2003).

Pada pandangan penulis, pendapat al-Ghazali sebenarnya sangat bersesuaian dengan konsep solat yang mengandungi pelbagai zikir, doa dan *munajat* untuk bertaqarrub kepada Allah „*AWJ*. Ia juga bersesuaian dengan pengertian “ihsan” iaitu beribadat kepada Allah „*AWJ* seolah-olah kita sedang melihat Allah atau sekurang-kurangnya dengan menginsafi bahawa Allah „*AWJ* sentiasa memantau segala perkara termasuk berkaitan jiwa, fikiran, pandangan mata dan lintasan hati kita khasnya ketika kita sedang mengerjakan solat (al-Bukhari: 1999 dan Muslim: 2005).

### **KONSEP KHUSYUK DALAM SOLAT**

Pada asasnya khusyuk bererti merendahkan diri dan tunduk kepada Allah, menundukkan atau merendahkan pandangan, merendahkan suara, takut dan

menjadi kalah atau hina. Bila dikatakan ( ) ia bererti daun menjadi layu dan bonggol unta menjadi berkurangan lemaknya (Kamus Besar Dewan, 2010: 622-623).

Dalam al-Quran, perkataan khusyuk telah dikaitkan kepada zat makhluk seperti bumi (Fussilat: 39), gunung-ganang (al-Hashr: 21) dan orang yang beriman (al-Baqarah: 45; al-Anbiya": 90; al-Ahzab: 35). Perkataan khusyuk juga dinisbahkan kepada anggota manusia. Di dunia ini al-Quran menisbahkan khusyuk kepada hati orang beriman (al-Hadid: 16) manakala di akhirat nanti, al-Quran menisbahkan khusyuk kepada wajah (al-Ghashiyah: 2), pandangan mata (al-Nazi,,at: 9; al-Qalam: 43) dan suara (Taha: 108) orang-orang yang berdosa dan kufur.

Berkenaan konsep khusyuk dalam solat, Ibn Mas,,ud RA (32 H) dan Sa,,id bin Jubayr (45-94 H) menjelaskan bahawa ia adalah *"tetap menumpukan fikiran kepada solat sehinggakan orang yang mengerjakan solat itu tidak mengenali siapakah orang yang berada di sebelah kanan dan kirinya"*. Menurut Sayidina Ali RA (40H), khusyuk dalam solat ialah *"tidak berpaling ke kanan atau ke kiri semasa mengerjakan solat"* (al-Shiddiqie, 1978). Maksud "tidak berpaling" ialah tidak berpaling fizikal dari arah kiblat dan tidak berpaling hati daripada *zikrullah, tadabbur dan tafahhum*.

Dua penjelasan di atas sangat bertepatan dengan firman Allah Ta,,ala yang bermaksud: *"Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan"* (al-Muzzammil: 8).

Menurut Imam Ibn Rajab al-Hambali (795 H), asal khusyuk ialah kelembutan hati, ketenangan, kepasrahan, kerendahan dan kelunakannya. Apabila hati berada dalam keadaan khusyuk, seluruh anggota dengan sendirinya akan turut menjadi khusyuk (al-Hambali, 2003). Memahami konsep inilah, apabila melihat seorang lelaki mengerjakan solat sambil mengusap-usapkan janggutnya, Sa,,id bin al-Musayyab (15-94 H) berkata: *"Sekiranya jiwa orang ini khusyuk, pastilah semua anggotanya turut menjadi khusyuk"* (al-Makki, 2001).

Jelasnya, tempat khusyuk ialah pada hati dan ia akan menzahirkan kesan pada

anggota zahir seperti kepala yang ditundukkan ketika berdiri, pandangan yang direndahkan semasa berdiri, rukuk, sujud dan duduk, serta doa yang dilafazkan dengan rasa rendah diri dan suara yang perlahan (Surah al-A,raf: 55) Ia juga akan menjadikan perasaan seseorang bercampur antara harapan dan kegerunan (Surah al-Anbiya": 90). Kesedaran dan kekhusyukan hati pula akan menyebabkan seseorang bersikap lebih mengutamakan petunjuk Allah berbanding segala sogokan duniawi (Surah Ali „Imran: 199).

Keadaan *khusyuk* yang dijelaskan dalam al-Qur"an pula boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, khusyuk fizikal semata-mata (*Fussilat* (41): 39). Seseorang yang kelihatan khusyuk pada anggota zahirnya semata-mata padahal minda dan jiwanya berada dalam kelalaian dinamakan "**khusyuk nifaa**" ialah kekhusyukan yang zahir pada anggota fizikal secara *takalluf* (paksaan), sengaja dibuat-buat dan bertujuan *riya*" (untuk diperlihatkan) padahal jiwa tidaklah khusyuk pun. Lawannya ialah "**khusyuk Iman**" iaitu kekhusyukan jiwa yang diikuti oleh kekhusyukan semua anggota (fizikal) (al-Fifi, 2008: 16).

Kedua, kekhusyukan jiwa yang membawa kesan kepada kekhusyukan fizikal. Khusyuk ini berpunca daripada *ma„rifatullah* (mengenal Allah) iaitu khusyuk yang terhasil daripada keimanan, keyakinan, kegerunan dan kecintaan kepada Allah „AWJ.

Inilah khusyuk yang melahirkan ketundukan dan kepasrahan. Khusyuk yang melahirkan ketaatan dan kepatuhan. Khusyuk yang menyepadukan antara rasa harap dan rasa takut yang mendalam. Khusyuk yang menghasilkan rasa hiba dan tangisan. Khusyuk yang melahirkan ketenangan dan ketenteraman (Ibid).

## TINGKATAN KHUSYUK DALAM SOLAT

Imam al-Ghazali membahagikan tahap khusyuk dalam solat kepada dua tingkatan:

- i. Orang yang menggerak-gerakkan lidahnya membaca sesuatu dalam keadaan jiwanya *bertadabbur* (memikirkan pengertian setiap bacaan) yang menyebabkan dia dapat mendengar dan memahami satu persatu apa-apa yang dibacanya sebagaimana dia memikirkan bacaan yang

didengarinya daripada orang lain.

- ii. Orang jiwanya terlebih dahulu memahami maksud dan pengertian sesuatu bacaan kemudian barulah lidahnya berkhidmat untuk jiwanya lalu ia menterjemahkan apa-apa yang terkandung di dalam jiwanya.

Pembahagian tahap khushyuk di atas telah dikaitkan dengan proses *tafahhum* dan *tafakkur* berkaitan setiap bacaan pada setiap posisi dan gerakan solat. Sehubungan dengan itu, al-Ghazali (1994) menjelaskan:

“Antara tipudaya syaitan ialah dia menyibukkan engkau di dalam solatmu dengan mengingati urusan akhirat dan dengan berfikir tentang sesuatu kegiatan yang baik dengan tujuan untuk menghalangmu daripada memahami apa yang engkau bacakan. Ketahuilah bahawa setiap perkara yang menghalang engkau daripada memahami maksud dan pengertian bacaanmu maka itu adalah waswas kerana pergerakan lidah semata-mata adalah bukan tujuan solat. Bahkan yang menjadi matlamat solat ialah menghayati segala maksud dan pengertian setiap bacaan.”

Seseorang yang memfokuskan *tafakkurnya* kepada pengertian setiap bacaan dan hikmah setiap perbuatan dalam solat boleh menyebabkan dia tidak mengenali lagi siapakah yang berada di sisinya dan tidak mendengar sebarang percakapan atau kebisingan yang berlaku di sekelilingnya hatta sampai ke tahap dia tidak lagi berasa sakit sekalipun kakinya dipotong tanpa sebarang ubat bius (al-Ghazali: t.t).

### **MODEL SOLAT KHUSHYUK MENURUT PERSPEKTIF AL-GHAZALI**

Model solat khushyuk menurut Imam al-Ghazali boleh disenaraikan melalui pendekatan dan kronologi yang berikut:

#### **1. Pelaziman Minda**

Berpegang kepada pendapat al-Ghazali yang mengatakan bahawa hukum khushyuk dalam solat adalah wajib akan menyebabkan setiap muslim berasa bersalah dan tidak akan membiarkan dirinya mengerjakan solat dalam



keadaan lalai secara berterusan. Dia sebaliknya akan berusaha untuk mencari pendekatan dan model solat khusyuk yang boleh membantu dirinya memenuhi tuntutan khusyuk dalam solat dan sekali gus akan menyebabkan *istighfar* yang diucapkannya selepas setiap kali mengerjakan solat menjadi lebih bermakna dan lebih menginsafkan.

## **2. Tafakkur Berkaitan Perintah Bersuci Daripada Najis**

Menurut al-Ghazali, kewajipan bersuci daripada najis pada tempat solat, pakaian dan kulit seluruh badan adalah bertujuan untuk mengingatkan kita supaya turut melakukan penyucian terhadap kekotoran batin iaitu dengan bertaubat daripada dosa-dosa zahir yang menyebabkan batin menjadi hitam, keras dan terbalik. Batin perlu disucikan dengan taubat dan penyesalan yang bersungguh-sungguh kerana batin itulah yang menjadi tempat tilikan Allah „AWJ (al-Ghazali, Ihya' 'Ulum al-Din, 1994).

## **3. Tafakkur Berkaitan Perintah Bersuci Daripada Hadas**

Bagi memudahkan seseorang menggarap kekhusyukan jiwa ketika mempersiapkan diri sebelum mengerjakan solat, al-Ghazali telah menganjurkan bacaan doa-doa tertentu pada setiap anggota ketika berwuduk. Menurut Imam al-Nawawi (631-676 H), berdoa pada setiap anggota ketika berwuduk telah digalakkan oleh sebilangan ulama Salaf (al-Nawawi: 1992).

## **4. Tafakkur Berkaitan Perintah Menutup Aurat**

Menurut al-Ghazali (1994), tujuan menutup aurat adalah untuk menutup keaiban diri daripada pandangan manusia. Oleh kerana Allah „AWJ pula melihat kepada kualiti hati, maka setiap hamba perlu menutup pelbagai sifat hati yang tercela seperti hasad dengki, takbur, cintakan dunia dan sebagainya iaitu dengan cara menyesali, beristighfar dan bertaubat dari semasa ke semasa.

## **5. Tafakkur Sejurus Sebelum Mengerjakan Solat**

Satu daripada pendekatan *tafakkur* sebelum mengerjakan solat yang

dinukilkan oleh al-Ghazali (1994) terkandung dalam penjelasan Hatim bin al-Ashamm sebagaimana berikut:

*“Apabila tiba waktu solat, saya berwudhu” dengan sempurna dan aku pergi ke tempat yang saya mahu mengerjakan solat padanya lalu saya pun duduk di tempat itu sehingga semua anggotaku dapat memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada solat. Kemudian saya berdiri untuk mengerjakan solat dalam keadaan saya menggambarkan kaabah berada betul-betul di hadapan, titian sirat di bawah telapak kaki, syurga di sebelah kanan, neraka di sebelah kiri dan malaikat maut di belakang dan saya menganggap itulah solat terakhir (yang sempat saya kerjakan). Justeru itu, saya berdiri di antara perasaan harap dan takut. Saya bertakbir mengagungkan Allah dengan menghayati pengertiannya sepenuh hati. Saya membaca al-Qur’an dengan tartil. Aku ruku` dengan tawadhu` (menghayati sifat kehambaanku). Saya bersujud dengan khusyuk. Saya duduk di atas punggung kiri dalam keadaan menghamparkan belakang kaki kiri dan menegakkan kaki kanan dengan melipatkan ibu jarinya. Saya sertakan kesemua perbuatan itu dengan ikhlas. Kemudian saya (berasa sangat berharap serta sangat takut kerana) tidak tahu apakah solat itu diterima ataupun sebaliknya”.*

## **6. Tafakkur Berkaitan Laungan Azan**

Azan adalah suatu laungan khusus untuk mengisytiharkan masuknya waktu solat fardu. Cara *tafakkur* berkaitan laungan azan menurut al-Ghazali (1994) ialah dengan mengimajinasikannya sebagai tiupan sangkakala dan kedahsyatan huru hara dan kebinasaan alam ini apabila tiupan sangkakala dilakukan oleh malaikat Israfil nanti.

## **7. Tafakkur Berkaitan Menghadap Kiblat**

Kesempurnaan menghadap ke arah kiblat tercapai dengan memenuhi tiga perkara iaitu menghadap ke arah kiblat dengan wajah, memfokuskan ingatan kepada Allah dan berusaha untuk khusyuk serta merasai kekerdilan diri (al-

Samarqandi, 1996).

Cara untuk memfokuskan ingatan kepada Allah menurut al-Ghazali (1994) ialah dengan mengingati Allah „AWJ dan memalingkan hati daripada segala ingatan selainNya iaitu sebagaimana menghadap ke arah kiblat hanya boleh dilakukan dengan cara menghadapkan wajah ke arah Kaabah semata- mata dan tidak berpaling ke penjuru yang selainnya.

#### **8. Tafakkur Berkaitan Tuntutan Berdiri Tegak Menghadap Kiblat**

Menurut al-Ghazali (1994: 1/220-221), berdiri tegak menghadap kiblat sebenarnya menuntut supaya *wajah* hati dihadapkan kepada Allah „AWJ. Ketika berdiri, kepala dan pandangan perlu ditundukkan ke bawah sambil menggambarkan kedahsyatan berdiri di alam mahsyar nanti. Hati perlu diisi dengan sifat tawaduk, rasa hina diri dan dengan membuang sifat takbur serta keinginan menjadi pemimpin.

#### **9. Tafakkur Berkaitan Takbiratul Ihram, Membaca Doa Iftitah, Membaca Surah Al-Fatihah, Zikir dan Sebagainya**

Berkenaan cara tafakkur berkaitan takbiratul ihram dan seterusnya, al-Ghazali menjelaskan: “Apabila engkau bertakbir dengan mengatakanmaka sayugianya janganlah hatimu sendiri bertindak mendustakan ucapan tersebut. Sekiranya ada sesuatu di dalam hatimu yang lebih agung daripada Allah „AWJ, maka Allah sendiri akan menjadi saksi bahawa engkau adalah seorang pembohong ... Pada ketika itu, ucapan ( ) yang engkau lafazkan itu hanya menjadi pertuturan lidah semata-mata, padahal hatimu sendiri berpaling ke belakang, langsung tidak menghayati dan tidak membenarkan apa yang diucapkan oleh lidahmu. Alangkah besarnya kemurkaan Allah terhadap pembohonganmu itu sekiranya engkau terus berkeadaan sedemikian tanpa bertaubat, tanpa beristighfar dan tanpa berbaik sangka untuk memperolehi kemaafan daripada Allah „AWJ”.

Untuk memperolehi pahala zikir, seseorang perlu mengetahui maknanya sekalipun secara ringkas seperti mengetahui bahawa *tasbih* adalah untuk

mensucikan Allah, *tahmid* untuk memuji dan takbir menta "*zhimkan* Allah „AWJ. Sebagai contoh, al-Ghazali menjelaskan (al-Ghazali, al-Arba, in fi Usul al-Din, 1988, p. 21):

*“Bertakbirlah dengan meyakini bahawasanya tidak ada yang lebih besar (lebih agung) daripada Allah „AWJ. Jangan kamu membaca ( ) melainkan dalam keadaan engkau benar-benar menghadapkan jiwamu kepada Allah „AWJ dan berpaling dari selainNya. Jangan kamu membaca ( ) melainkan dalam keadaan hatimu berasa syukur, gembira dan bahagia dengan cara mengenangi pelbagai nikmat kurniaanNya. Jangan engkau membaca ( ) melainkan dalam keadaan engkau mengakui betapa lemahnya dirimu dan bahawa natijah dan keputusan segala urusan bukannya diserahkan ketentuannya kepada engkau atau kepada sesiapa jua pun (bahkan berada dalam kekuasaan Allah „AWJ). Demikianlah dalam kesemua zikir dan amalan, hendaklah engkau fokus kepada pengertiannya. Berusahalah dengan bersungguh-sungguh untuk mengerjakan solat dengan khushuk dari awal hingga ke akhir kerana seseorang tidak akan memperolehi pahala daripada solatnya melainkan sebanyak peratus kekhusyukan jiwanya... .”*

#### **10. Tafakkur Berkaitan Rukuk**

Al-Ghazali (1994) menjelaskan: “Ketika mahu mengerjakan rukuk, perbaharuilah ingatanmu akan kebesaran Allah „AWJ. Angkatlah kedua belah tanganmu untuk menteladani sunnah Rasulullah SAW; dan sebagai simbolik engkau sedang meminta perlindungan daripada siksaan Allah dengan sifatNya Yang Maha Pemaaf. Perbaharuilah (keikhlasan) niatmu (dan kekhusyukan jiwamu). Ketika engkau sedang rukuk, hayatilah rasa kehinaan dirimu. Lemutkanlah jiwamu dan perbaharuilah kekhusyukanmu. Hayatilah kebesaran dan keagungan Allah dan gunalah lidahmu untuk memantapkan lagi kekhusyukan jiwamu dengan mengatakan: “*Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung*”

“Yakinilah bahawa hanya Allah „AWJ sahaja yang memiliki segala keagungan;

dan sesungguhnya Dialah yang paling agung berbanding segala yang agung. Ulangilah *tasbih* ini dan pastikan pengertian *tasbih* ini terhunjang kukuh dalam lubuk jiwamu.”

### **11. Tafakkur Semasa I'tidal**

I'tidal dilakukan selepas ruku,, dengan cara mengangkat kepala sehingga berdiri tegak sambil mengangkat kedua belah tangan hingga ke para bahu atau telinga. Gerakan i'tidal dilakukan sambil bermunajat dengan ucapan ( ) yang bermaksud ( ) iaitu: “Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada orang yang (memuji dan) mensyukuriNya”. Semasa berdiri tegak ketika i'tidal, bersyukurlah ke hadrat Allah „AWJ dengan ucapan ( ) sambil bertafakkur: “Wahai Tuhan kami! Untuk Engkau lah jua segala pujian kerana Engkau lah jua yang telah mentaufiqkan kami untuk mengerjakan solat dengan menghayati kekhusyukan sebegini”.

### **12. Tafakkur Berkaitan Sujud**

Al-Ghazali menjelaskan: *“Kemudian (sesudah I'tidal), lakukanlah perbuatan sujud dengan cara meletakkan semulia-mulia anggotamu iaitu muka pada tempat yang paling hina iaitu tanah. Sekiranya engkau berpeluang untuk membuang segala alas di antara mukamu dengan tanah, sehingga membolehkan engkau sujud betul- betul di atas tanah, maka lakukanlah. Ini kerana ia lebih berkesan untuk menghasilkan kekhusyukan hati dan lebih membuktikan kehinaan diri. Apabila engkau meletakkan dirimu di tempat yang hina, maka ketahuilah bahawa engkau telah meletakkannya pada tempatnya yang sebenar dan engkau telah mengembalikan cabang (dirimu) kepada asalnya (tanah); kerana sesungguhnya daripada tanahlah engkau telah diciptakan dan kepada tanah pulalah engkau akan kembali”.*

Ketika sujud, ingatan kepada keagungan Allah „AWJ perlu dimantapkan sambil bertasbih mensucikan Allah dengan ucapan ( ): “Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi”. Kekhusyukan jiwa perlu dimantapkan dengan mengulangi tasbih ini sebanyak tiga hingga sepuluh kali. di atas kerana bertasbih sekali sahaja tanpa mengulanginya mempunyai kesan yang lemah.

Apabila jiwa mulai lembut dan mulai menzahirkan kelunakannya (dengan timbulnya kekhusyukan dan ketenangan hati serta dengan berlakunya tangisan), ia perlu dipenuhi pula dengan pengharapan untuk memperolehi rahmat Allah kerana rahmat Allah akan mendatangi orang yang mengakui kelemahan dan kehinaan dirinya dengan begitu cepat sekali, tidak sebagaimana orang yang berjiwa takbur dan angkuh.

### **13. Tafakkur Semasa Duduk Antara Dua Sujud dan Sujud Kedua**

Selepas sujud pertama, angkatlah kepala sambil bertakbir dengan *tafakkur* dan duduklah dengan *tuma'ninah*, dan berdoalah dengan bacaan ( ) yang bermaksud: “Wahai Tuhanku! Ampunilah daku, rahmatilah diriku dan maafkanlah setiap kekurangan yang Engkau Maha Mengetahui berkaitan diriku” (al-Ghazali: 1994).

Kemudian, mantapkan sekali lagi sifat tawaduk dalam jiwamua dengan melakukan sujud kali kedua sambil bertafakkur. Menurut al-Ghazali (1994), sujud pertama memperingatkan bahawa kita adalah berasal daripada tanah. Duduk antara dua sujud pula mengingatkan kita kepada kehidupan yang sangat sementara di dunia yang fana ini. Manakala sujud kedua pula memperingatkan kita kepada kematian yang menyebabkan badan kita hancur dan kembali menjadi tanah semula.

### **14. Tafakkur Berkaitan Bacaan Tashahhud Akhir**

Selepas sujud kedua dalam rekaat terakhir, angkatlah kepala dan duduklah secara beradab untuk membaca tashahhud. Menurut al-Ghazali, bacaan ( ) perlu disertakan dengan tafakkur (memahami) bahawa: “Segala penghormatan, segala pengagungan, segala pengabdian diri dan segala kebaktian adalah untuk (berhamba abdi kepada) Allah”.

Selepas menghadirkan ingatan kepada Nabi SAW dan kepada keperibadian baginda yang agung, ucaplah ( ): “Selamat sejahteralah untuk kamu wahai Nabi beserta rahmat Allah dan segala keberkatanNya”. Bertafakkurlah

dengan mengimajinasikan bahawa salam tersebut disampaikan kepada baginda; lalu baginda terus menjawab salam tersebut dengan jawapan yang lebih sempurna.

Kemudian berdoalah kepada Allah „AWJ untuk diri sendiri dan untuk seluruh hamba-hambanya yang soleh dengan mengatakan ( ): “Semoga Allah mengurniakan kesejahteraan ke atas kami dan ke atas sekalian hambanya yang soleh”. Bertafakkurlah dengan harapan semoga Allah „AWJ sendiri menjawab doa permohonan tersebut dengan jawapan salam kesejahteraan yang menaungi seluruh bilangan hamba- hambanya yang soleh.

Kemudian bersaksilah akan keesaan Allah „AWJ dan akan kebenaran risalah nabi Muhammad SAW: ( ) maksudnya: “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah. Dan aku bersaksi bahawa nabi Muhammad adalah Utusan Allah”. Bertafakkurlah semasa melafazkan dua kalimah shahadah ini dengan niat untuk memperbaharui kesetiaan diri kepada Allah „AWJ dan dengan niat untuk membentengkan diri dengannya.

### **15. Tafakkur Berkaitan Selawat**

Selepas membaca tashahhud (tahiyyat) akhir, berselawatlah ke atas nabi Muhammad SAW dengan ucapan ( ): “Ya Allah! cucurilah rahmat ke atas nabi Muhammad”. Dan disunatkan juga berselawat ke atas ahli keluarga baginda lafaz ( ).

Selepas itu disunatkan pula berselawat ke atas nabi Ibrahim AS dan keluarga nabi Ibrahim AS dan bermohonlah kepada Allah agar menganugerahkan keberkatan (yang berlipat kali ganda) kepada nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga baginda sebagaimana Allah telah mengurniakan keberkatan ke atas nabi Ibrahim AS dan keluarga nabi Ibrahim AS (yang terdiri dalam kalangan para Rasul, para Nabi, para ulama dan hamba-hamba Allah yang soleh). Selepas itu disunatkan pula berdoa memohon perlindungan daripada azab siksaan neraka Jahannam, daripada azab kubur, daripada fitnah sepanjang menjalani kehidupan di dunia dan

selepas kematian, dan juga daripada kedahsyatan fitnah (penyesatan) dajjal.

### **16. Tafakkur Berkaitan Salam**

Cara mengakhiri solat fardu dan solat sunat ialah dengan mengatakan ( ): “Semoga Allah mengurniakan kesejahteraan kepada kamu semua”. Setakat itu sahaja ucapan salam yang menjadi rukun solat.

Ucapan salam di atas sunat disertakan dengan lafaz ( ) demi untuk memohon limpahan rahmat daripada Allah „AWJ dan juga supaya solat diakhiri dengan kalimah “Allah”, sebagaimana juga solat dimulakan dengan kalimah “Allah” ( ). Hukum mengulangi salam kali kedua juga adalah sunat. Begitu juga berpaling ke kanan semasa mengucap salam yang pertama dan berpaling ke kiri semasa mengucap salam yang kedua adalah sunat.

Cara bertafakkur melalui perbuatan berpaling ke kanan dan ke kiri semasa mengucap *salam* ialah dengan berniat bahawa *salam* pertama ditujukan kepada semua hamba Allah yang beriman di sebelah kanannya (sehingga ke penghujung dunia) manakala *salam* kedua pula ditujukan kepada semua hamba Allah yang beriman di sebelah kirinya (sehingga ke penghujung dunia).

Menurut al-Ghazali, solat khusyuk terbina daripada enam elemen iaitu *hudur al- qalb* (pemfokusan minda dan kesedaran jiwa), *al-tafahhum* (memahami satu persatu pengertian setiap bacaan dan falsafah setiap perbuatan solat), *al-ta,,zim* (menzahirkan rasa pengagungan kepada Allah), *al-haybah* (berasa gerun, takut tetapi cinta), *al-raja*“ (berasa sangat berharap kepada rahmat dan keampunan Allah) dan *al-haya*“ (berasa sangat malu kepada Allah kerana tidak berkemampuan untuk mengerjakan solat dengan khusyuk sebagaimana yang sepatutnya) (al-Ghazali: 1994).

Solat bagaimanapun terdiri daripada empat dimensi iaitu dimensi fizikal, dimensi verbal, dimensi mental dan dimensi spiritual.

**1. Dimensi Fizikal** terdiri daripada posisi dan gerakan fizikal yang dilakukan



dengan betul dan *tuma“ninah* seperti berdiri, mengangkat kedua belah tangan, rukuk, sujud dan duduk.

2. **Dimensi Verbal** terdiri daripada lima bacaan wajib dan puluhan bacaan sunat.
3. **Dimensi Mental** ialah *al-Tafahhum* iaitu memahami maksud setiap bacaan dan memahami falsafah setiap perbuatan solat.
4. **Dimensi Spiritual** pula terdiri daripada *hudur ul-qalb* (kehadiran jiwa), *al-Ta,,zim* (pengagungan), *al-Haybah* (kegerunan yang terhasil daripada rasa takut, kasih dan cinta), *al-Raja“* (pengharapan) dan *al-Haya“* (berasa sangat malu kepada Allah,,AWJ).

Proses mengerjakan solat dengan khusyuk perlu melibatkan keempat-empat dimensi di atas. Hasil pelaksanaan solat khusyuk perlu menghasilkan suatu produk yang bernama *tuma“ninah*. *Tuma“ninah* yang sempurna perlu mencakupi ketenangan seluruh anggota, suara, minda, emosi dan jiwa. Sekurang-kurang *tuma“ninah* yang wajib dizahirkan secara jelas ialah *tuma“ninah* dalam aspek fizikal, di mana tanpanya solat dihukum tidak sah.

Untuk mencapai kekhusyukan jiwa sepanjang mengerjakan solat bukanlah perkara yang boleh digapai dengan mudah dan bersahaja. Ia sebaliknya memerlukan kesedaran, kehendak, usaha, pendekatan dan model tertentu beserta kesungguhan dan komitmen yang berterusan. Ia juga perlu diperkukuhkan dengan *makrifatullah*. Sehubungan itu, Imam al-Ghazali menjelaskan: “*Ketahuilah bahawa khusyuk itu adalah hasil keimanan dan natijah keyakinan yang terhasil dengan menghayati kebesaran Allah ,,AWJ. Sesiapa jua yang dikurniakan keyakinan pasti akan menjadi orang yang khusyuk sama ada di dalam solat mahupun di luar solat, ataupun semasa dia bersendirian di tempat yang sunyi, bahkan juga semasa dia sedang qada hajat di dalam bilik air*” (al-Ghazali: 1994).

Selain itu, orang yang bersolat juga perlu merealisasikan sabda Rasulullah SAW ( ) yang bermaksud: “Apabila engkau mengerjakan solat, maka bersolatlah seperti solat orang yang mengucapkan selamat tinggal” (al-Suyuti: t.t).

Menurut al-Ghazali, maksud mengucapkan selamat tinggal di dalam hadis di atas ialah mengucap selamat tinggal kepada diri sendiri, mengucap selamat tinggal kepada syahwat keinginan serta mengucap selamat tinggal kepada umur, untuk bermusafir dalam perjalanan rohani menuju ke hadrat Allah „AWJ (al-Ghazali: 1994).

### **PENGURUSAN CEMERLANG MELALUI SOLAT KHUSYUK**

Manusia adalah khalifah Allah di bumi ini yang bertanggungjawab dalam menegakkan agama (*al-Din*) dan mentadbir dunia berpandukan Islam sebagai *al-Din*. Solat pula merupakan tiang bagi agama. Sehubungan dengan itu, terdapat hadis yang menjelaskan bahawa orang yang berjaya mendirikan solat (yang memenuhi semua tuntutan dan dimensinya) bererti dia telah berjaya menegakkan agama (al-Suyuti: 2005).

Selain itu, terdapat banyak fakta yang membuktikan bahawa solat khusyuk dapat mempengaruhi pengurusan hidup seseorang mukmin menjadi lebih positif, lebih bermatlamat, lebih berperancangan dan lebih berkualiti. Antara kesan positif yang dimaksudkan ialah:

#### **1. Pengurusan Jiwa, Emosi, Akhlak dan Kesihatan**

Proses pelaksanaan solat khusyuk akan memberi kesan positif terhadap jiwa, emosi akhlak dan kesihatan seseorang mukmin.

**Pertama**, solat khusyuk dapat menghilangkan sifat keluh kesah serta menimbulkan ketenangan jiwa. Firman Allah Ta„ala (Surah al-Ma„arij (70): 19- 22)

*“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila dia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil kedekut. Kecuali orang-orang yang mengerjakan solat. Iaitu mereka yang tetap mengerjakan solatnya”.*

Rasulullah SAW pula telah bersabda yang bermaksud: “Dan dijadikan tenteram jiwaku ketika mengerjakan solat”.

**Kedua**, solat khusyuk mendorong seseorang untuk tidak menggadaikan agamanya semata-mata untuk memperoleh keuntungan material yang sedikit berbanding limpahan kebahagiaan ukhrawi yang kekal abadi. Firman Allah SWT (Surah Ali „Imran (3): 199): *“sedang mereka khusyuk kepada Allah, dengan tidak menukar ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit ...”*.

**Ketiga**, solat yang khusyuk akan mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan munkar. Firman Allah Ta„ala (Surah al-„Ankabut (29): 45): *“... dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan munkar; ...”*.

Antara perbuatan keji dan munkar ialah pembaziran masa, curi tulang, rasuah, pecah amanah dan sebagainya.

**Keempat**, solat pada waktu malam yang dikerjakan dengan khusyuk dan secara konsisten dapat menjadi penawar kepada pelbagai jenis penyakit seperti darah tinggi, mati pucuk dan kanser. Bilal bin Rabah R.A contohnya meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: *“Hendaklah kamu mengerjakan qiamullail kerana ia merupakan amalan tetap orang-orang soleh sebelum kamu; ia mendekatkan kamu kepada Allah Ta„ala; ia mencegah daripada dosa; ia menghapuskan dosa-dosa kecil dan akan membuang penyakit daripada jasad”* (Hadis Sahih riwayat at-Tirmizi, al-Hakim dan al-Bayhaqi).

## 2. Pengurusan Organisasi

Kejayaan seseorang mengerjakan solat dengan khusyuk membuktikan kejayaan hatinya berfungsi sebagai “pengurus” yang cemerlang dalam menjayakan proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal semua elemen yang dimiliki oleh dirinya (fizikal, verbal, mental, spiritual dan persekitaran) dalam mencapai matlamat utama pensyariatan solat iaitu sebagai wahana kepada *zikhir* Allah, *munajat*, *„ubudiyah* dan *taqarrub* kepada Allah „AWJ.

Sehubungan dengan itu, seseorang yang berjaya melalui proses pelaksanaan solat khusyuk adalah dipercayai akan dapat menghasilkan kerja yang berkualiti.

Sekiranya dia merupakan seorang pemimpin, dia akan menjadi lebih mudah untuk mengurus pelbagai amanah dan tanggungjawab dalam organisasi yang diamanahkan kepadanya dengan pengurusan yang lebih cemerlang berbanding pemimpin lain.

Ini kerana terdapat banyak faktor yang perlu diambilkira dalam meraih solat khusyuk seperti konsentrasi (pemusatan perhatian), kesucian jiwa, sikap terhadap dunia, keadaan jiwa dan keadaan di sekitar orang solat. Konsentrasi yang berperanan dalam menghasilkan solat khusyuk juga berperanan penting dalam meraih kejayaan dalam pelbagai bidang kehidupan. Konsentrasi boleh diperolehi melalui persiapan mental, pengurusan masa, imaginasi, keikhlasan jiwa, pemfokusan hati dan *tafahhum*.

Khusyuk itu sendiri bererti fokus, menumpukan amalan kerja dengan tidak melalaikan hati kepada yang lain daripadanya. Fokus memberikan motivasi menentukan perkara yang perlu dibuat dan perkara yang tidak patut dibuat. Kebolehan mengekalkan fokus dan mengurus masa dengan baik adalah segala-galanya (M.Z.Azmie, 1999: 54).

### **3. Pengurusan Berobjektif**

Solat adalah ibadat khusus yang mempunyai masa dan syarat-syarat tertentu dan perlu dikerjakan dengan memenuhi rukun-rukun dan sunat-sunat yang tertentu yang dimulakan dengan takbir – beserta niat – dan seterusnya sehingga disudahi dengan *salam*.

Seseorang pengurus atau pemimpin yang berusaha mengerjakan solat dengan khusyuk menerusi model al-Ghazali dipercayai akan dapat meningkatkan lagi kemampuan dirinya dalam aspek pengurusan berobjektif. Ini kerana pelaksanaan solat khusyuk menerusi model al-Ghazali memerlukan seseorang melakukan beberapa tindakan secara objektif dan konsisten:

- a. Persiapan awal iaitu bersuci daripada najis dan *hadath*, dan menutup aurat.
- b. Berjalan menuju ke tempat solat dengan khusyuk sambil berzikir dan

berdoa menurut kronologi yang bersesuaian seperti doa keluar rumah, doa menaiki kenderaan, doa memasuki masjid dan sebagainya.

- c. Penentuan tempat solat dan arah kiblat serta mencetuskan imaginasi yang boleh menimbulkan kekhusyukan jiwa sebagaimana yang dilakukan oleh Hatim al-Ashamm.
- d. Berniat untuk mengerjakan solat yang tertentu. Niat solat fardu contohnya adalah terdiri daripada *qasd* (kesengajaan hati dalam mengerjakan solat), *ta,,arrud* (berniat fardu bagi solat fardu) dan *ta,,yin* (menentukan nama solat yang dikerjakan). Penentuan niat solat menjadi asas kepada proses awal dalam penetapan tujuan yang ingin dicapai daripada pelaksanaan sesuatu tugas. Setiap kejayaan adalah bermula dengan penetapan tujuan yang ingin dicapai daripada sesuatu tugas.
- e. Penentuan posisi dan gerakan solat yang bersesuaian dengan amalan terapi solat yang merangkumi cara berdiri, fokus tumpuan mata, cara mengangkat kedua belah tangan, cara rukuk, cara iktidal, cara sujud, cara duduk dan cara berpaling semasa salam pertama dan salam kedua.
- f. Penetapan khusyuk melalui pengurusan teknik pernafasan berkaitan bacaan-bacaan dan gerakan sepanjang mengerjakan solat.
- g. *Tafakkur* berkaitan setiap tindakan, bacaan, posisi dan gerakan solat.

Semua proses yang perlu dilakukan secara konsisten itu secara langsung akan mempercepatkan lagi kelahiran seseorang pemimpin yang memiliki kemahiran pengurusan berperancangan dan berobjektif. Kesan dan hasil sedemikian sangat bersesuaian dengan doa yang diajarkan oleh Allah „AWJ dalam firmanNya yang bermaksud: *“Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa”* (al-Furqan (25): 74).

## **PENUTUP**

Sesungguhnya kemuncak kejayaan seseorang mukmin dalam mengerjakan solat ialah kejayaannya memenuhi tuntutan khusyuk dalam solat kerana khusyuk merupakan roh bagi solat. Ini kerana pelbagai keistimewaan yang dijanjikan berkaitan solat kebanyakannya hanya berkaitan dengan solat khusyuk. Pelaksanaan solat khusyuk

berpandukan model al-Ghazali yang dikerjakan secara konsisten diyakini mampu membantu seseorang dalam pembentukan personaliti dan sifat-sifat „*Ibad al-Rahman* di dalam diri setiap mukmin, yang sekali gus akan melahirkan pengurus dan pemimpin yang hebat yang menjadi teladan dan ikutan kepada masyarakat. Mereka itulah golongan manusia yang berjaya di dunia dan akan berbahagia pula di akhirat yang kekal abadi nanti (al-Furqan (25): 63 – 76).

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur“an al-Karim.

Abu al-Layth al-Samarqandi (2007), *Tanbih al-Ghafilin*. Kaherah: Maktabah al-Safa. Abu Talib Muhammad bin „Ali al-Makki (2001), *Qut al-Qulub fi Mu„amalah al-*

*Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid* (tq. Dr. Mahmud Ibrahim Muhammad al-Ridwani). Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.

Ahmad bin Muhammad al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al- Kutub al-„Ilmiyyah.

Ibn Rajab al-Hanbali (2003), *al-Khushu„ fi al-Salah* (tq. Ahmad Mustafa Qasim al- Tahtawi). Kaherah: Dar al-Fadilah.

James A.F. Stoner dan Charles Wankel (1991), *Pengurusan* (terj. Yaakob Ibrahim, cet. ketiga). Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.

K.H. Muhammad Rusli Amin (2009), *The Success Principles Of Shalat*. Jakarta Selatan: Al-Mawardi Prima.

M.Z. Azmie (2000), *Pengurusan Dari Perspektif Solat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (1996), *al-Jami„ li Ahkam al-Qur“an* (cet. kelima). Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah.

Muhammad bin Isma„il al-Bukhari (1999), *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam. Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (1994), *Ihya“ „Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ihya“

al-Turath al-„Arabi.

\_\_\_\_\_ (1994) “al-Risalah al-Wa„ziyyah” dalam: *Majmu„ah Rasa“il al-Imam al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah.

\_\_\_\_\_ (t.t), *Mukashafah al-Qulub al-Muqarrib ila Hadrat „Allam al-Ghuyub fi „Ilm al-Tasawwuf* (tq. Yasir Sulayman Abu Shadi). Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

\_\_\_\_\_ (2010), *al-Arba„in fi Usul al-Din* (tq. Ridwan Jami„ Ridwan). Kaherah: Dar al-Tawfiqiyyah li al-Turath.

Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (2005), *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ma„rifah.

Othman bin Haji Khalid et al. (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

T.M. Hasbi al-Shiddiqie (1978), *Pedoman Shalat*. Batu Caves: Thinkers Library.